



KETUA PENGARAH KERJA RAYA DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS

Rujukan: JKR.KPKR:121.010/05 Jld. 43 (**5**)

Tarikh : **27** September 2024

Semua Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah Pembinaan

Pengarah JKR KESEDAR

Pengarah JKR KETENGAH

Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 24/2024

GARIS PANDUAN REKA BENTUK KEBOLEHSENGGARAAN: LALUAN PENYENGGARAAN UNTUK KEMUDAHAN/ PEPASANGAN DI RUANG TINGGI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan arahan pemakaian Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan: Laluan Penyenggaraan Untuk Kemudahan/ Pepasangan Di Ruang Tinggi. Garis panduan ini adalah sebagai rujukan kepada pereka bentuk dalam mereka bentuk laluan penyenggaraan untuk kemudahan/ pepasangan di ruang tinggi bagi bangunan (baharu) milik Kerajaan.


1/5

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Public Works Department Malaysia

Aras 33, Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-2618 8421 Faks: 03-2618 8799 <https://www.jkr.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03597

CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS 00227

CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00604

CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.: EnMS 00111

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO.: 00249

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan: Laluan Penyenggaraan Untuk Kemudahan/ Pepasangan Di Ruang Tinggi ini telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Bil. 3/2024 pada 5 Jun 2024.
- 2.2 Garis panduan ini dibangunkan berdasarkan kajian isu kebolehsenggaraan terutama di ruangan yang mempunyai ketinggian minimum 6 meter antara aras lantai dengan pepasangan tetap di premis-premis Kerajaan yang sedang beroperasi.
- 2.3 Hasil daripada beberapa siri lawatan ke premis-premis Kerajaan sedia ada, adalah didapati reka bentuk bagi kadar kebolehsenggaraan boleh dipertingkat dan ditambah baik, terutama di premis yang mempunyai ruang tinggi seperti dewan, auditorium dan stadium.
- 2.4 Perkara ini dapat diatasi dengan penyediaan laluan penyenggaraan untuk kemudahan/ pepasangan di ruang tinggi berbanding penggunaan perancah atau *scissor lift* yang mempunyai kekangan/ kelemahan dari segi kebolehsampaian (*accessibility*), logistik dan keselamatan.
- 2.5 Kecenderungan untuk tidak menyediakan laluan penyenggaraan untuk kemudahan/ pepasangan di ruang tinggi boleh menyumbang kepada perkara berikut:
 - i. Kesukaran semasa kerja penyenggaraan menyebabkan kelewatan atau kegagalan dalam penyelesaian aduan.
 - ii. Pemeriksaan berjadual/ berkala ke atas services di ruang tinggi seperti tangka, pam, *spotlight*, sistem penghawa dingin dan lain-lain terpaksa dilaksanakan secara pemeriksaan visual.
 - iii. Kerja penyenggaraan dan pemeriksaan dilaksanakan dalam keadaan yang tidak selamat dan boleh mengakibatkan kemalangan jika tatacara keselamatan tidak dipatuhi.

- 2.6 Menyedari akan hal ini, terdapat kesedaran mengenai keperluan untuk menyepadukan aspek kebolehsenggaraan bersama aspek kefungsian dan keselamatan bangunan diperingkat perancangan dan reka bentuk.
- 2.7 Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan: Laluan Penyenggaraan Untuk Kemudahan/ Pepasangan Di Ruang Tinggi ini dibangunkan sebagai panduan dan rujukan pada peringkat perancangan dan reka bentuk yang mengambil kira aspek kebolehsenggaraan mengikut amalan terbaik pengurusan aset menyeluruh.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan ini merupakan panduan am reka bentuk kebolehsenggaraan untuk membimbing pereka bentuk dalam mereka bentuk laluan penyenggaraan bagi melaksanakan kerja penyenggaraan kemudahan/ pepasangan di ruang tinggi secara selamat, mudah dan selesa.
- 3.2 Dengan mempertimbangkan keperluan penyenggaraan pada peringkat awal, pereka bentuk boleh mereka bentuk bangunan yang mencapai ciri-ciri kebolehsenggaraan yang baik bagi memudahkan pemeriksaan rutin, pembaikan dan penggantian dilaksanakan. Selain tu, ia bagi memastikan reka bentuk yang disediakan mematuhi perundangan, piawaian serta peraturan yang berkuat kuasa.
- 3.3 Garis panduan ini memberi cadangan reka bentuk laluan penyenggaraan dengan kriteria seperti yang berikut:
 - a) Kemudahan/ Pepasangan di ruang tinggi
 - b) Ruang tinggi yang mempunyai kebolehsampaian yang terhad
 - c) Ruang sama ada bersiling atau tidak
 - d) Bangunan baharu milik Kerajaan
- 3.4 Dokumen Garis Panduan Reka Bentuk Kebolehsenggaraan: Laluan Penyenggaraan Untuk Kemudahan/Pepasangan Di Ruang Tinggi ini boleh

diakses dan dimuat turun melalui laman sesawang JKR <http://jpedia.jkr.gov.my> di J-Pedia seperti yang berikut:

J-Pedia → Wiki Aset → Pekeliling/ Surat Arahan/ Garis Panduan/ Manual Pengguna

- 3.5 Sebarang pertanyaan berkenaan surat arahan ini boleh dirujuk kepada:

Pengarah Kanan,

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu,

Tingkat 5, Blok F,

Ibu Pejabat JKR Malaysia,

Jalan Sultan Salahuddin,

50582 Kuala Lumpur

(u.p.: Bahagian Perundingan Pengurusan Aset)


4.0 KUAT KUASA

- 4.1 Surat Arahan ini terpakai untuk semua peringkat pejabat JKR Malaysia yang melaksanakan reka bentuk bangunan (baharu).
- 4.2 Surat Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangan dan akan disemak sekiranya terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baharu yang memerlukannya dikaji semula dan dikemas kini.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATUK WIRA Ir. ROSLAN BIN ISMAIL)

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
- Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat